



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/6/2011



## "Bangsa Malaysia" dan pilihan raya masjid

SENGAJA mahu mencetuskan kontroversi atau enggan mengakui anaknya sebagai anak India. Itulah kesimpulan yang dirumuskan oleh beberapa blog berhubung usaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya dari DAP, Hannah Yeoh yang mahu mendaftarkan anak yang baru dilahirkannya, Shay Adora Ram sebagai "anak Malaysia" bagi menunjukkan bangsa.

Blog Selangor daily ([www.selangordaily.com](http://www.selangordaily.com)) menganggap Hannah dan suaminya, M. Ramachandran secara sengaja mempergunakan isu kegagalan mendaftar kelahiran anak mereka itu sebagai satu isu besar negara kerana sudah ketiadaan isu untuk dipolitikkan.

Katanya, dalih tentang "bangsa Malaysia" yang digunakan oleh ADUN tersebut jelas sangat kelakar memandangkan selama ini DAP-lah yang paling lantang menentang pembentukan sekolah satu sistem dan penghapusan sekolah-sekolah jenis kebangsaan serta menghalang pembentukan integrasi nasional menerusi penggunaan satu bahasa dan satu tulisan.

"Kalau setakat kerana anak yang dilahirkan adalah kacukan sudah hendak dianggap sebagai "bangsa Malaysia", bagaimana pula dengan sebahagian besar orang Melayu yang berkecukan pelbagai jenis bangsa yang tidak malu-malu menggunakan Melayu sebagai bangsa mereka?" kata blog ini.

Blog Gelombang Rakyat ([gelombang-rakyat.blogspot.com](http://gelombang-rakyat.blogspot.com)) pula berkata, adalah sa-

ngat pelik apabila Hannah cuba menimbulkan isu status bangsa pada anaknya hasil perkahwinan beliau yang merupakan seorang Cina dengan lelaki India.

"Apa agenda Hannah Yeoh membuat kecoh (berhubung isu) status "bangsa" anak beliau sendiri... tindakan behau seolah-olah cuba mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia yang mencipta keamanan. Mana mungkin Malaysia dengan mudah membuang "bangsa" masing-masing dan meletakkan kesemua bangsa dengan status "bangsa Malaysia".

"Atau (adakah) itu agenda tersembunyi Hannah Yeoh dan DAP? ... Ataupun Hannah tidak dapat menerima anaknya diletakkan dalam status bangsa India?" katanya.

Bagi blog Harimau Menaip ([harimau-menaip.blogspot.com](http://harimau-menaip.blogspot.com)) pula, tindakan Hannah yang cuba mendaftar anaknya atas "bangsa Malaysia" dengan alasan anaknya bukan anak Cina atau India sebagai satu tindakan yang bodoh.

"Aku berbangsa Melayu. Lahir di Malaysia. Aku bukan bangsa Malaysia tetapi aku anak jati dan warganegara Malaysia. Alasan Hannah Yeoh, anak dia bukan Cina atau India. Bagi dia, anak dia adalah campuran 50-50. Bagaimana boleh isytihar (bangsa) Malaysia kalau tiada darah terulang bangsa Melayu? Paling kurang pun, mesti ada darah tiga bangsa terbersialah," katanya.

Justeru, blog itu menyeru pihak kerajaan agar tidak melayan tuntutan ADUN tersebut

yang mahu mewujudkan satu lagi bangsa iaitu "bangsa Malaysia".

Blog Medan Info Kita ([medan-info-kita.blogspot.com](http://medan-info-kita.blogspot.com)) dengan lantang menganggap Hannah semakin naik lemak dan rakus apabila cuba mempolitikkan isu kegagalan beliau mendaftar kelahiran anaknya serta mahu menjadikan bayinya sebagai "umpam" politik negara.

"Dengan sengaja mencari sebab untuk mensensasikan isu, Hannah Yeoh mahu meletakkan status anaknya itu sebagai "bangsa Malaysia" bukannya Cina atau India dalam sivil kelahiran bayinya itu.

"Tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan untuk meletakkan status keturunan dalam mana-mana sivil kelahiran bayi baru lahir dengan "bangsa Malaysia" kerana ia (Malaysia) adalah nama negara kita (bagi menggantikan Tanah Melayu," katanya.

Zulkifli Noordin ([zul4kelim.blogspot.com](http://zul4kelim.blogspot.com)) pula secaa sinis berkata, Hannah tidak boleh bermain wayang menyatakan anaknya sebagai "anak Malaysia" kerana ia masih tidak memenuhi syarat memandangkan Malaysia terdiri daripada pelbagai gabungan etnik bangsa seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Dayak dan banyak lagi.

Kata behau, campuran benih India dan Cina sahaja tidak cukup untuk melayakkan anaknya dipanggil "anak Malaysia" dan kalau benar ADUN Subang Jaya itu mahu dilabelkan sebagai "bangsa Malaysia", Hannah perlu mendapatkan benih-benih dari semua kaum terbesar di Malaysia.

"Kalau setakat campuran benih Cina-India, bolehlah Hannah memohon untuk melabelkan anaknya sebagai "anak Cindia". Itupun kalau mahu. Mungkin boleh minta wakil rakyat DAP yang ada untuk usulkan dalam Parlimen untuk label baru "Cindia" tersebut," katanya.

Mengenai pemilihan jawatankuasa kariah masjid di Pulau Pinang yang akan diadakan ala pilihan raya, blog MyKMU ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)) berkata, walau dipandang dari sudut mana sekalipun, jelas pilihan raya masjid tidak ada keperluan sama sekali.

Pada masa sama pemimpin DAP tidak mempunyai kuasa untuk menentukan keberadaan institusi agama Islam memandangkan kuasa tertinggi dalam pengurusan agama Islam di Pulau Pinang adalah di bawah Yang di-Pertuan Agong.

"Penulis dan ramai pihak yang lain melihat usaha mengadakan pilihan raya masjid di Pulau Pinang ini tidak lain dan tidak bukan untuk mengubah institusi masjid yang dihormati ini menjadi institusi memecah-belahkan orang Islam seterusnya menukarkan masjid menjadi seperti parti Pas.

"Bila dah diadakan pilihan raya, ada besar kemungkinan orang yang tidak layak dipilih untuk menguruskan masjid, sebab individu tersebut berjaya menang. Tidak mustahil esok, kaki kelab malam pun boleh jadi imam masjid, bukan atas kelayakannya tapi sebab dia menang pilihan raya masjid!" tegasnya.

Katanya, keadaan sama berlaku dalam Pas sekarang apabila parti itu yang selama ini bertunjang kepada perjuangan menegakkan negara Islam dan melaksanakan hudud kini berubah arah disebabkan kepimpinan, bukan ulama tidak lagi menguasai pucuk pimpinan parti.

Manakala blog Mesin Taip Buruk ([mesintaipburuk.blogspot.com](http://mesintaipburuk.blogspot.com)) pula mencabar kerajaan DAP Pulau Pinang untuk turut mengadakan pilihan raya tokong, kuil dan gereja bagi mengesahkan keadilan, ketelusan dan negeri berkeadilan yang diajukan oleh kerajaan pembangkang.

"Dan selepas buat pilihan raya masjid, Ustaz Lim (Lim Guan Eng, Ketua Menteri) kena jugalah buat pilihan raya tokong, kuil dan gereja! Kalau boleh buatlah serentak dengan pilihan raya masjid. Tapi Ustaz Lim jangan pula kata tokong, kuil dan gereja tak perlu buat pilihan raya untuk pilih jawatankuasanya sebab itu sudah tidak adil, tidak telus dan tidak berkeadilan namanya.

"Bukankah DAP, PKR dan Pas adalah parti politik paling telus, paling adil dan paling berkeadilan? Kalau tidak masakan rakyat Pulau Pinang pilih mereka untuk ganti BN di sana! Betul tak? Tengoklah di Pulau Pinang sekarang, seluruh rakyat hidup aman bahagia. Semua bangsa menikmati pembangunan, kemajuan dan kemewahan negeri itu," katanya.

Ketotaan LUKMAN ISMAIL  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)